

04/03/2004

## Reaksi

"JENTERA pilihan raya MIC akan bergerak lebih aktif lagi mulai sekarang. Kita akan meyakinkan pengundi mengenai mengapa mereka harus memilih BN dan apa kebaikan yang sudah dan akan diperoleh."

"Senarai calon akan diserahkan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam beberapa hari lagi." - Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu

"MCA sudah bersiap sedia menghadapi Pilihan Raya Umum ke-11 dan bekerja keras sejak empat tahun lalu.

"Kami akan menggunakan rekod pencapaian dan semangat berpasukan untuk mendapatkan mandat baru daripada rakyat." - Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting

"KITA yakin akan mencapai kejayaan lebih baik berbanding pilihan raya umum 1999 dan menawan semula kerusi DUN Batu Lancang yang lepas kepada DAP.

"Saya sudah memberi amaran kepada anggota Gerakan, jika kita gagal dapatkan kerusi ini, saya akan beri percuma saja kepada parti lain." - Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik

"Saya mahu Pemuda Barisan Nasional (BN) melipatgandakan usaha dengan memastikan undi golongan terbabit berpihak kepada BN. Walaupun kita tahu mereka menyokong BN tetapi mereka perlu didekati dan diyakini agar memastikan kemenangan BN." - Ketua Pergerakan Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Hussein

"SAYA tidak mahu ada calon sama ada Wanita, Pemuda atau Puteri melobi kerusi untuk bertanding, tetapi kehadiran mereka tidak diterima rakyat. Meletakkan calon yang tidak diterima rakyat akan memudaratkan parti." - Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz

"KITA percaya BN akan menang kerana banyak kelebihannya pada pilihan raya kali ini terutama dengan adanya kepimpinan baru yang diterajui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Selain itu, tidak banyak isu yang boleh dimainkan oleh pembangkang pada pilihan raya kali ini." - Ketua Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said

"BN Sarawak mampu mengekalkan semua 28 kerusi Parlimen yang dipertandingkan kerana kekuatan pembangkang tidak sehebat pilihan raya sebelum ini." - Timbalan Presiden II, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Seri Abang Johari Abang Openg

"KAMI sudah lama bersedia dan amat menantikan pengumuman tarikh pilihan raya umum. Oleh itu, kita tidak gentar dengan usaha yang dijalankan pembangkang." - Presiden Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP), Datuk William Mawan anak Ikom

"KITA sudah sedia dan akan melaksanakan tanggungjawab kami untuk memastikan setiap calon BN mencapai kemenangan terbesar dalam sejarah pilihan raya umum negara ini.

"Saya yakin BN dapat menang dengan majoriti terbesar kali ini." - Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas

"WALAUPUN tiada calon dari Parti Barisan Kemajuan India Malaysia (IPF) bertanding pada pilihan raya kali ini, kami tetap akan bekerjasama penuh dengan Barisan Nasional (BN) supaya menang dengan majoriti dua pertiga." - Presiden IPF, Datuk M G Pandithan

"PAS cukup bersedia untuk menghadapi pilihan raya termasuk dari aspek jentera parti dan pembahagian kerusi dengan rakan pakatan barisan alternatif, Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

"Malah, kita sudah bersiap sedia sejak awal termasuk ketika desas desus

pilihan raya hendak diadakan pada pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad." -  
Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang

"SAYA tidak terkejut Parlimen dibubarkan kerana kami sudah menjangka ia  
akan berlaku pada bila-bila masa saja.

"Kami sudah lama membuat persiapan menghadapi pilihan raya kali ini." -  
Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock

"PADA dasarnya Keadilan tidak berada dalam keadaan panik. Dari segi  
persiapan, hampir 100 peratus telah dibuat. Selebihnya, kita masih ada  
masa sehingga tarikh pencalonan diumumkan." - Timbalan Presiden Parti  
Keadilan Nasional (Keadilan) Abdul Rahman Othman